

15/07/2004

Pusat ilmu padam imej hitam Sintok

By Samsudin Oli Mohamed

SIAPA sangka Sintok yang dulunya dikenali sebagai kawasan hitam kerana menjadi sarang pengganas komunis, hari ini berubah wajah menjadi lembah ilmu yang melahirkan ribuan graduan setiap tahun.

Ternyata, Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi lambang kejayaan perjuangan menghapuskan komunis dan tonggak pembangunan ekonomi serta sosial di Utara Semenanjung.

Universiti keenam ini adalah hasil ilham bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu ketika itu, berikutan meningkatnya permintaan terhadap pengajian pada peringkat tinggi dan kurangnya tempat di lima universiti tempatan sedia ada.

Pada Ogos 1983, kerajaan mengarahkan Kementerian Pelajaran (ketika itu Kementerian Pendidikan) menjalankan kajian kemungkinan ke atas projek universiti keenam itu di Sintok dan disusuli dengan kelulusan penubuhannya oleh Kabinet pada 19 Oktober 1983.

Pada 16 Februari 1984, UUM ditubuhkan secara rasmi di bawah Perintah (Perbadanan) UUM dan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dilantik sebagai Canselor pertamanya.

Pejabat semmentaranya ditempatkan di sebuah bangunan di Jitra, sebelum berpindah ke Kampus Darul Aman berharga RM96 juta di kawasan seluas 25 hektar di Bandar Darul Aman yang pembinaannya dimulakan pada 1984.

Matlamat penubuhan kampus itu ialah untuk mengembang dan memajukan pendidikan pengurusan yang tertumpu kepada bidang pengurusan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia, keusahawanan kewangan dan perbankan.

Ia juga menjadi penggalak kepada perkembangan sosial, ekonomi dan intelektual di Utara tanah air.

Seramai 295 pelajar sulung memulakan pengajian mereka pada 7 Julai 1984 dan konvokesyen pertama, kedua dan ketiga diadakan di Kampus Darul Aman sebelum beroperasi di Kampus Sintok yang berharga RM580 juta pada 15 September 1990.

Berdasarkan kedudukannya, Sintok terletak di kawasan hutan bersempadan selatan Thailand, Padang Sanai, Nami, Sik, Baling dan utara Perak itu amat strategik sebagai sarang pengganas komunis yang mudah berselindung daripada serangan pasukan keselamatan.

Kawasan yang terletak 12 kilometer ke timur laut Changlun dan 6.4 kilometer dari sempadan Malaysia-Thailand itu melakarkan pelbagai peristiwa ngeri yang mengorbankan banyak jiwa.

Kini hutan tebal di situ berganti hutan batu menempatkan kawasan universiti selain landskap menarik.

Naib Canselor UUM, Brig Jeneral Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, kakitangan perintis yang turut membangunkan penubuhan UUM berkata, warga kampus patut berbangga kerana lembah yang kaya dengan pelbagai sumber alam itu kini menjadi gedung ilmu yang disegani di negara ini.

Katanya, titik hitam di Sintok perlu diingati generasi muda supaya sentiasa menghargai sumbangan anggota keselamatan dan orang kampung yang gugur atau cedera kerana mempertahankan tempat itu.

Siapa menduga pekan Sintok yang musnah dibiarkan sepi bagi menangani ancaman komunis bertukar wajah. Bukan lagi wajah kesengsaraan tetapi wajah pelajar dan ibu bapa yang ceria dengan kejayaan anak mereka menjejakkan kaki ke menara gading dan keluar dengan segulung ijazah.

Sejak kampus induk UUM itu digunakan pada September 1990, ia sudah

melahirkan 33,725 graduan. Graduan inilah yang menebus maruah Sintok yang dulunya dikuasai komunis.

Pembinaan kampus UUM di Sintok juga menjadi kenyataan selepas Parti Komunis Malaya (PKM) meletakkan senjata secara rasmi pada Disember 1989, sekali gus membolehkan kerajaan menaikkan tahap sosio ekonomi penduduk di kawasan yang dulunya dianggap paling mundur itu.

Penduduk tempatan juga kini dapat meningkatkan tahap ekonomi masing-masing dengan menjalankan perniagaan seperti membuka kedai makan berikutan permintaan yang tinggi di kalangan pelajar atau pelawat.

Jalan yang menjadi penghubung antara Sintok dan Changlun kini diperluaskan, tidak lagi perlu melalui jalan lama yang sempit dan bengkok-bengkok.

Sebagai memperingati sumbangan anggota keselamatan yang gugur dalam perjuangan menentang komunis, sebuah tugu peringatan dibina di Padang Kawad Pasukan Latihan Simpanan (Palapes) di kampus itu.

Bagi mengenang jasa tokoh yang telah memartabatkan agama, bangsa dan negara dalam pembangunan bidang akademik dan negara, Sultan Kedah selaku Canselor UUM akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Pembangunan) kepada Dr Mahathir pada majlis konvokesyen khas universiti itu, hari ini.

Selain itu, pada majlis yang sama, UUM juga akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Kerja Sosial) kepada Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

(END)